

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR:HARIAN METRO

TARIKH:3 OGOS 2017

MUKA SURAT:47



SHAHIFAH menunjukkan laporan polis dan permohonan yang dihantar kepada DBKL.

**Fardy Bunga**  
fardy@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

**“B**ukan tak nak pindah tapi tak mampu tinggal di rumah baru di Residensi Kerinchi,” kata Shahifah Puteh Yusof, 79.

Demikian rayuan warga emas itu kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk terus dibenarkan tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerinchi di sini, selepas rumah lamanya yang dibangunkan pemaju sebagai pangsapuri mewah pada 2010 sedia untuk diduduki.

**FAKTA**  
Penduduk PPR Kerinchi menerima arahan supaya mengosongkan rumah Ogos ini

## ‘Saya tak mampu’

■ Warga emas harap DBKL benar tinggal di PPR Kerinchi selepas rumah baru dipajak pemaju

Apa yang membimbangkannya ketika ini adalah apabila dia dan keluarganya diarah mengosongkan rumah PPR Kerinchi yang dihuni sejak enam tahun lalu.

Menurutnya, sukar untuk mereka sekeluarga berpindah ke Residensi Kerinchi disebabkan tidak mampu menanggung kos yang pastinya sangat tinggi.

“Dengan pendapatan pencen arwah suami sebanyak RM300 sebulan dan usia saya yang sudah lanjut, pasti saya tidak mampu untuk membayar bil seperti kos penyelenggaraan wa-

laupun selepas dua tahun.

“Kami menerima arahan supaya mengosongkan rumah PPR pada Ogos ini juga tetapi kediaman di Residensi Kerinchi pula sudah dipajakkan kepada pemaju untuk disewakan kepada orang lain,” katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, mereka seolah-olah dipermainkan dan banyak isu yang timbul. Sehubungan itu, satu laporan polis dibuat untuk rujukan pihak berkuasa.

“Kami harap pihak berkuasa ambil perhatian terhadap nasib kami dan ramai lagi penduduk yang turut berdepan masalah sama,” katanya.